

09/03/1997

PM jumpa pengurusan DRB-Hicom Selasa

Khaidir Abdul Majid

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengadakan pertemuan dengan pegawai pengurusan kanan kumpulan DRB-Hicom, Selasa ini.

Pengerusi baru kumpulan itu, Datuk Mohd Saleh Sulong, menyifatkan perjumpaan Perdana Menteri dengan kira-kira 150 pegawai pengurusan kanan kumpulan itu, sebagai tanda sokongan berterusan kerajaan terhadap DRB-Hicom.

Saleh berkata, salah satu faktor yang memihak kepada kumpulan itu sekarang adalah sokongan berterusan kerajaan kepada DRB-Hicom.

Menurutnya, sokongan kerajaan, pengurusan kanan, kakitangan dan pihak lain akan membantunya melaksanakan tugas sebagai pengerusi kumpulan berkenaan yang mempunyai pelbagai kegiatan termasuk, automotif dan pengangkutan.

"Agak sukar bagi saya melaksanakan tugas tanpa sokongan berkenaan," kata Saleh dalam wawancara dengan wartawan akhbar kumpulan The New Straits Times Press. (lihat halaman 10).

Menurut Saleh, antara cabaran pertama yang dihadapinya sebagai pengerusi DRB-Hicom ialah mendapatkan sokongan daripada semua pihak.

Katanya, perkara itu adalah sesuatu yang amat penting.

"Tidak ada seseorang boleh melakukan tugas ini bersendirian. Saya sebagai pengerusi perlu bertindak sebagai pemangkin dan mendapatkan sokongan semua pihak untuk meneruskan tugas yang kita pikul. Ia adalah tugas berat tetapi kita harus melakukannya" katanya.

Saleh mengambil alih semua jawatan yang sebelum ini dipegang oleh Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad, yang terkorban dalam nahas helikopter, Isnin lalu.

Isteri Allahyarham Yahaya, Puan Sri Rohana Othman dan juruterbang Mejar (B) Azlizan Abdul Manas, turut terkorban dalam nahas di Kuala Lipis, Pahang.

Cadangan pelantikan Saleh, 46, sebagai Pengerusi yang juga Presiden Hicom Holdings dikemukakan oleh Perdana Menteri kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc), iaitu pemegang saham khas syarikat induk Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton).

Kumpulan DRB-Hicom yang mempunyai kira-kira 90 syarikat di bawahnya, mempunyai tujuh anak syarikat dan dua syarikat bersekutu yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Sembilan syarikat tersenarai berkenaan ialah Hicom Holdings Bhd; Perusahaan Otomobil Nasional Bhd; Diversified Resources Bhd; Gadek (Malaysia) Gadek Capital Bhd; Golden Pharos Bhd; Eastern and Pacific Industrial Corporation Bhd; Kedah Cement Holdings Bhd dan Edaran Otomobil Nasional Bhd.

(END)